

# SUKIPT sasar tiga elemen penting

**S**UKAN Institusi Pengajian Tinggi Pertama (SUKIPT) yang bakal berlangsung dari 28 Oktober hingga 8 November ini menjadi pemangkin kepada tiga elemen penting Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), tahun ini.

Tiga elemen itu ialah pentas pemilihan atlet IPT ke saingan Sukan Universiti Asean (AUG) di Laos pada Disember, melonjak industri sukan negara dan peluang meningkatkan jumlah biasiswa KPT.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, SUKIPT akan menjadi rangsangan kepada 25,000 atlet IPT untuk bersaing kerana kejohanan ini antara kriteria utama mendapatkan biasiswa selain menaik taraf biasiswa masing-masing jika lebih cemerlang di peringkat antarabangsa.

"Kami ada empat kategori dalam Biasiswa Sukan KPT dan atlet IPT yang cemer-



**INSENTIF...Mohamed Khalid (tga dari kiri) menyerahkan replika insentif kepada Khairulnizam.**

lang dalam sukan masing-masing pada peringkat antarabangsa berpeluang menerima biasiswa lebih baik," kata Khaled.

Sebagai rangsangan awal, KPT menyumbang RM2,000 kepada tujuh atlet IPT yang layak ke Sukan Olimpik London, bulan depan.

Tujuh atlet itu, lima dari Universiti Putra Malaysia

(UPM) iaitu Cheong Jun Hoong (terjun), Leong Mun Yee (terjun), Yu Peng Kean (lawan pedang), Cheng Chu Sian (memanah) dan Khairulnizam Mohd Affendy (perahu layar), seorang dari Universiti Malaya (UM), Bryan Nickson Lomas (terjun) dan Azizulhasni Awang (berbasikal) dari Universiti Melbourne, Australia.